



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency


Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 ( 12 )


Tarikh : 20 Februari 2019



Makluman & Indakan  
Penggunaan PPTK - P  
Pr. Surinatu  
19/3/2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,



SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2019

**PENAMBAHAN SUBBIDANG DALAM STANDARD PROGRAM: KOMPUTERAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) Bil. 1/2015 - Penggunaan Standard Program: Komputeran (Programme Standards: Computing) bertarikh 23 Mac 2015.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Standard Program: Komputeran telah dibangunkan oleh MQA pada tahun 2015 dengan kerjasama panel standard program yang terdiri daripada ahli akademik dan industri. Dokumen ini telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pengajian di Malaysia.

3. Selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang komputeran dan berdasarkan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, kandungan Standard Program: Komputeran telah ditambah baik dengan memperkenalkan dua subbidang baharu iaitu **Sains Data (Data Science)** dan **Keselamatan Siber (Cyber Security)**.

4. Penambahan subbidang baharu ini dibangunkan dalam bentuk *Addendum* dan perlu dibaca bersekali dengan penerbitan utama sedia ada iaitu Standard Program: Komputeran.

5. Bagi PPT yang telah atau berhasrat untuk menawarkan subbidang Sains Data dan Keselamatan Siber, pematuhan terhadap ketetapan bagi subbidang tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	01 Mac 2019 sehingga 28 Februari 2020	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program.

TNCA

PROF. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan

Rasa,  
utk hebahan  
PPTK.  
Smalini  
19/3/19

BIL.	TARIKH	PERKARA
		<p>Nota:</p> <p>Kohort pelajar yang diambil <u>selepas tempoh transisi</u> tamat perlu menggunakan kurikulum baharu.</p> <p>Kohort pelajar yang telah berada dalam sistem, boleh menggunakan kurikulum sebelum ketetapan baharu terpakai seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT.</p> <p>Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan kurikulum baharu kepada kohort pelajar sedia ada jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p>
2.	01 September 2019	Pengambilan pelajar bagi semua <b>program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh</b> perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	01 September 2019	Semua <b>program baharu yang memohon Akreditasi Sementara</b> perlu mematuhi standard program.

6. Standard Program: Komputeran dan *Addendum* boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: [rahmah@mqa.gov.my](mailto:rahmah@mqa.gov.my)